

THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

Industry View
PERKHIDMATAN
PENJAGAAN
KESIHATAN

6 NOVEMBER 2022 | BIL: 32
www.richworks.com

KLINIK PAKAR JANTUNG DR. RAHIM

CEPAT, TEPAT & BERKESAN PADA
HARGA BERPATUTAN



THE TITAN

7 KALI GULUNG TIKAR, ILMU BAWA KEJAYAAN KLINIK PAKAR JANTUNG DR. RAHIM

Ada modal bukan jaminan perniagaan anda akan berjalan lancar dan mengaut keuntungan jutaan ringgit, sebaliknya jika silap langkah akan gulung tikar juga.

Itu situasi yang pernah dialami bekas Ketua Jabatan Kardiologi, Hospital Sultanah Bahiyah, Dr. Abd. Rahim Tahir.

Katanya, walau ada modal perniagaan dijalankan akhirnya akan menemui kegagalan kerana berdepan dengan pelbagai masalah termasuk ditipu.

“Bila ada duit, saya nak laburkan dan bantu masyarakat dengan menjalankan perniagaan. Saya mula labur dengan bisnes santan,” jelasnya

7 KALI GULUNG TIKAR

Bukan sekali, tetapi 7 kali doktor pakar jantung ini gulung tikar dalam perniagaan!

Doktor berniaga apa sehingga 7 kali gulung tikar?

“Saya pernah tujuh kali gulung tikar, setelah berniaga santan gagal saya cuba peniagaan

lain seperti bisnes kek lapis Sarawak, katering, restoran, kereta sewa, pembekal air dan hartanah. Bisnes kad saya sentiasa berubah-ubah.

“Buat kek lapis, 3 tahun bisnes jalan tapi tak nampak untung rugi. Saya agak kecewa. Masa tu packaging cantik, ada sistem dropship semua. 2017, saya stop, nak rehat sebab tak nampak apa-apa results,” jelasnya.

Ekoran siri kegagalan dialami, isterinya pernah menasihatkan agar tidak meneruskan perniagaan.

ZERO KOS MARKETING

Namun, penghujung 2018 membawa lembaran baharu apabila beliau memilih untuk menyertai program anjuran RichWorks, ‘Zero Kos Marketing’ dan terus menimba ilmu tanpa jemu bersama Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

“Setelah saya join program itu, buat saya terbuka mata. Masa tu saya masih bekerja dengan hospital swasta. Hospital swasta ini simple. Datang sebagai pakar perunding, bilik dah ada, staf dah ada, marketing dah ready, akaun dah ada,” ujarinya lagi.



Menurut Dr. Rahim, apa yang membuatkan beliau tersentuh hati apabila Dr. Azizan berkata mengenai hidup untuk bantu orang lain.

“Bila saya jumpa orang dia kata hospital swasta bagus, tapi tak mampu untuk datang jumpa you di hospital swasta.

“Government boleh buat, tapi lambat. Swasta cepat, tapi tak mampu. Jadi saya rasa, saya kena buat sesuatu,” ceritanya.

KLINIK PAKAR JANTUNG DR. RAHIM

Akhirnya, Dr. Rahim mengambil keputusan membuka Klinik Pakar Jantung Dr. Rahim di Alor Setar, Kedah.


Tegas Dr. Rahim, ilmu amat penting untuk mengemudi perniagaan dan jangan ragu-ragu untuk melabur sejumlah wang bagi memperoleh ilmu tersebut.

Tambahnya, dengan siapa kita berguru juga penting, mesti berguru dengan Mentor yang ada results, yang dah ubah ramai orang berjaya.

Mengulas lanjut, Dr. Rahim berkata, ketika berguru dengan guru-guru agama, mereka juga menasihatkan agar yakin dengan guru anda.

“Program yang diikuti di RichWorks buat saya buka mata, saya memang zero, walau ada pengalaman jalankan pelbagai perniagaan tetapi tak guna dah, kena cari ilmu. Untuk jadi pakar jantung saya sanggup belajar hingga keluar negara, kenapa untuk bisnes saya tak belajar?”

“Sebelum ini, dah cuba buat jalan sendiri gagal. Dulu macam orang buta, ada tongkat tetapi tak tahu nak pergi arah mana. Dr. Azizan bagi ilmu, tunjuk jalan nak langkah mana, arah mana, maka jadi mudah,” jelasnya lagi.



“

SEBELUM INI, DAH CUBA BUAT JALAN SENDIRI GAGAL. DULU MACAM ORANG BUTA, ADA TONGKAT TETAPI TAK TAHU NAK PERGI ARAH MANA. DR. AZIZAN BAGI ILMU, TUNJUK JALAN NAK LANGKAH MANA, ARAH MANA, MAKA JADI MUDAH,”

BISNES DAHULU IBARAT SI BUTA HILANG TONGKAT

Pakar sakit jantung itu juga menyifatkan ilmu perniagaannya sebelum ini umpama katak bawah tempurung kerana tidak mempunyai visi, misi dan objektif yang jelas.

Jelasnya, kini apabila bersama RichWorks lebih mudah beliau mendapatkan kejelasan dalam sebarang tindakan sekali gus mengurangkan risiko kesilapan dalam membuat keputusan.

“Bila bercakap dengan pasukan RichWorks dan Dr. Azizan memberi satu clarity dengan apa kita nak buat dan dapat confirmation.

“Walau saya ada duit nak bercadang untuk buka cawangan di Kuala Lumpur, tetapi Dr. Azizan menasihatkan agar memberi fokus dan kembangkan klinik di Alor Setar dahulu.

“Ternyata nasihat itu betul, sebab staf dan sistem belum sedia sepenuhnya, bukan sebab dah ada duit boleh buka suka-suka hati. Itulah pentingnya ada orang yang boleh tegur kita iaitu Mentor.





“Penting bagi mengelakkan apa yang kita nak buat tak jadi dan perniagaan sedia ada tak boleh nak berkembang,” ujarnya.


Sehubungan itu, tegas Dr. Rahim adalah penting untuk yakin dengan nasihat diberikan dan trust the process.

Tambah Dr. Rahim, semenjak menyertai program Mentoring Titanium pada 2019, banyak ilmu diperoleh yang membawa kepada perkembangan perniagaan.

“Saya belajar banyak daripada Dr. Azizan. Di luar kita tengok ada banyak platform dan guru-guru lain tetapi saya rasa Dr. Azizan adalah yang terbaik.

“Beliau buka mata saya tentang bisnes dengan jelas, bagaimana nak kembangkan bisnes untuk jangka masa lima tahun dan 10 tahun akan datang,” katanya.





Dr. Rahim bersam isteri Khadijah Khalid

PENCAPAIAN

Hasilnya pada 2021, My Heart Centre meraih keuntungan RM3.5 juta dan mensasarkan RM15 juta pada 2022.

Kini syarikatnya yang telah mempunyai empat premis merancang untuk menambah premis ke lima.

Selain itu, beliau juga bercadang membuka cawangan di Lembah Klang serta merangka rancangan jangka panjang untuk membuka hospital yang menawarkan kepakaran merawat masalah jantung pada harga berpatutan.

"Pesakit yang menerima rawatan bukan sahaja dari kawasan sekitar malah dari seluruh Malaysia, bagi yang mahu mendapatkan informasi kesihatan dan maklumat lanjut boleh ke Facebook Pakar Jantung Dr. Rahim," ujarnya.

4

NASIHAT
Dr. Abd. Rahim Tahir

PERTAMA, walau ada pengalaman jalankan pelbagai perniagaan tetap perlu cari ilmu.

"Program Richworks berjaya membuka mata saya, walau ada pengalaman jalankan pelbagai perniagaan, kita tetap perlu cari ilmu.

"Untuk jadi pakar jantung saya sanggup belajar hingga ke luar negara, kenapa untuk bisnes saya tak belajar?" soalnya.

KEDUA, jelas dengan matlamat.

"Mahu mengembangkan perniagaan kita perlu jelas dengan matlamat," ujarinya.

KETIGA, ilmu penting untuk kemudi perniagaan.

"Ilmu amat penting untuk mengemudi perniagaan dan jangan ragu-ragu untuk melabur sejumlah wang bagi memperoleh ilmu itu," ujarinya.

KEEMPAT, lakukan tindakan dan trust the process.

"Kita dah dapat info daripada guru, adalah penting untuk kita melakukan tindakan dan trust the process," kata Dr.Rahim mengakhiri perbualan.





PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

Malaysia mempunyai sistem penjagaan kesihatan dua peringkat yang cekap iaitu sektor penjagaan kesihatan yang dikendalikan kerajaan berfungsi seiring dengan swasta.

Sejarah perkhidmatan kesihatan di negara ini bermula sejak sebelum merdeka lagi. Pembinaan hospital ketika itu adalah untuk merawat pekerja-pekerja dalam industri perlombongan bijih timah.

Setiap pekerja lombong harus membayar 50 sen setahun untuk mendapatkan rawatan. Oleh kerana industri perlombongan bijih timah berkembang pesat di Perak pada akhir abad ke-19 maka negeri ini mempunyai 15 hospital yang mana paling banyak hospital di negara ketika itu.

Sementara itu, Perkembangan Perkhidmatan Farmasi mula berkembang dengan pembentukan Makmal Ubat dan Stor di Petaling Jaya pada 1964.

Selaras dengan perkembangan farmaseutikal yang pesat, maka Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) telah ditubuhkan pada 1974 bagi menyampaikan perkhidmatan farmasi yang lebih menyeluruh kepada rakyat Malaysia.

Tahukah anda? Negara kita sebenarnya telah diiktiraf sebagai negara yang menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik di dunia.

PERUBATAN TERBAIK

Fakta ini dibuktikan oleh Jurnal Pelancongan



Perubatan Antarabangsa (International Medical Travel Journal, IMTJ) yang menobatkan Malaysia sebagai negara destinasi pelancongan kesihatan dan perubatan terbaik dari 2015 sehingga 2017.

Malaysia juga menerima anugerah yang sama bagi Cluster of The Year pada 2018 dalam sektor pelancongan kesihatan dan perubatan.

Menjelang 2027, sektor penjagaan kesihatan dijangka akan membuka lebih banyak peluang perniagaan bagi mereka yang berkelulusan dalam bidang perubatan.

Adakah anda juga berminat untuk menceburi bidang penjagaan kesihatan?

PENJAGAAN PALIATIF DAN RAWATAN DI RUMAH

Penjagaan paliatif adalah penjagaan kesihatan di rumah pesakit yang tertumpu kepada peningkatan kualiti hidup khususnya bagi mereka yang menghidap penyakit serius.

Salah satu perkhidmatan yang diwujudkan untuk memenuhi permintaan seperti ini ialah DocMove.

DocMove menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan secara berkala kepada warga emas.

Melalui perkhidmatan ini, doktor atau paramedik akan membuat lawatan ke rumah pesakit dan melakukan pemeriksaan kesihatan asas setiap bulan.

DocMove telah membuka kira-kira 300 cawangan di Perak. Bagaimanapun masih banyak wujud peluang untuk memperkenalkan perkhidmatan seperti ini di kawasan lain.

Selain DocMove, HomeGP juga menyediakan perkhidmatan yang hampir sama. HomeGP bukan sahaja hanya menawarkan perkhidmatan lawatan pemeriksaan kesihatan ke rumah malah turut menyediakan khidmat penjagaan pesakit di rumah oleh jururawat, ahli fisioterapi serta penjaga terlatih.

Salah satu lagi cara untuk memenuhi permintaan terhadap penjagaan kesihatan ialah menerusi aplikasi mudah alih seperti Speedoc yang membolehkan pesakit mendapat rawatan di rumah sendiri.

Aplikasi ini sangat berguna sekiranya pesakit tidak dapat pergi ke klinik atau hospital.

Jadi, sekiranya anda memiliki kelayakan dan kebolehan untuk menyediakan perkhidmatan seperti ketiga-tiga aplikasi kesihatan ini, mungkin ini bidang perniagaan yang sesuai untuk anda.

PENYEDIAAN MAKANAN SIHAT

Kementerian Kesihatan sentiasa menggalakkan masyarakat Malaysia supaya mengamalkan pemakanan yang lebih sihat. Pengambilan makanan sihat amat penting bagi mengurangkan risiko serangan jantung, kanser dan diabetes.



Faktor yang mendorong rakyat mengendahkan pemilihan pemakanan secara sihat, terutamanya di kawasan bandar, termasuklah kekangan masa serta kurang kesedaran.

Salah satu cara mengatasinya adalah dengan membuka lebih banyak gerai atau restoran berkonsepkan makanan sihat atau eat clean.

Ini sekali gus dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menjadikan makanan sihat sebagai gaya hidup.

Dengan pertambahan permintaan penghantaran makanan menerusi aplikasi GrabFood dan Foodpanda serta penjualan harga makanan yang berpatutan, peluang pengusaha makanan sihat untuk menerima pelanggan juga akan meningkat.

Ringkasnya, sektor penjagaan kesihatan tidak hanya terbatas kepada perkhidmatan secara klinikal sahaja.

Masih terdapat banyak lagi peluang perniagaan lain yang dapat diceburi bagi memastikan

kesihatan diri secara keseluruhan berada pada tahap yang baik.

Siapa tahu, perkhidmatan kesihatan yang anda tawarkan dapat merubah kehidupan masyarakat di luar sana.

PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA


Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terus menggalakkan pelaburan dalam kemudahan penjagaan kesihatan swasta dan melaksanakan advokasi dasar dengan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), Kementerian Kesihatan (MOH), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Kementerian Kewangan (MOF) sambil menyokong pelbagai promosi pelaburan penjagaan kesihatan.

Bagi yang berminat, MIDA menyediakan proses penubuhan, permulaan dan pembesaran syarikat menjadi lebih mudah di Malaysia. ●



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

AKAN DATANG **2023**



*E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN*

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE
TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.

Business
Evaluation
Success
Transformation

best

100%
DITAJA
OLEH RICHWORKS



**KHAS KEPADA USAHAWAN YANG NAK
BISNES GROW 10X PADA TAHUN 2022**

**KUASAI PASARAN WALAUPUN RAMAI
PERSAINGAN DAN BINA RAVING FANS YANG
TER'GILA-GILA' KAN PRODUK DAN SERVIS ANDA!**

MOHON SEKARANG: richworks.com/best